



IKLAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk memohon jawatan seperti berikut :

1. (a) **Jawatan/Gred** : **Pembantu Tadbir (Kewangan)**
Gred W19
- (b) **Agensi** : Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran,
Kementerian Sumber Manusia
- (c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana
- (d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pentadbiran dan Sokongan
- (e) **Penempatan** : Ibu Pejabat W.P. Kuala Lumpur

2. **Jadual Gaji** : W19

Gaji Minimum	Gaji Maksimum
RM 1,353.00	RM4,005.00

3. **Syarat Lantikan** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut;

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
- iv) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya atau;
- v) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- vi) Kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (sekurang-kurangnya Gred C) pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Deskripsi Tugas : (a) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan,

perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

- (b) Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Perbadanan seperti tugas-tugas berkaitan permohonan pinjaman, penerimaan dokumen dan bayaran balik pinjaman.

- 5. Taraf Jawatan : **Tetap**

- 6. Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

- 7. Elaun : (a) Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA);
(b) Imbuan Tetap Perumahan (ITP); dan
(c) Bantuan Sara Hidup (BSH).

- 8. Kemudahan : (a) Cuti Rehat; dan
(b) Faedah Rawatan Perubatan Kerajaan.

- 9. Cara Memohon : (a) Permohonan secara online (atas talian) dengan melayari portal JobsMalaysia di alamat: [http://www.jobsmalaysia.gov.my.](http://www.jobsmalaysia.gov.my;);
(b) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga;
(c) Calon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan semasa temu duga;
(d) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temu duga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon;

- (e) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya; dan
- (f) Tarikh tutup permohonan :
10 Oktober 2019 (Khamis).